



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

BIL. 20/2011

Semua
Dekan Fakulti
Rektor Universiti Negeri/Kampus Cawangan
Pengarah Pusat Pengajian/Ketua Bahagian/Ketua Unit
Universiti Teknologi MARA

YBhg Dato'/Profesor/Tuan/Puan

AMANA H TUGASAN PENSYARAH

Dengan hormatnya kami ingin menarik perhatian YBhg Dato'/Profesor/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Amanah Tugas an Pensyarah (ATP) menggantikan Amanah Tugas an Akademik (ATA) yang sedia ada telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) bil. 18/2011 pada 8 Ogos 2011, dan dimaklumkan di dalam Mesyuarat Senat ke-158 pada 8 September 2011.
3. Bersama pekeliling ini dilampirkan Garis Panduan ATP untuk rujukan YBhg Dato'/Profesor/Tuan/Puan sebagai panduan bagi penyusunan ATP staf akademik di UiTM. Fleksibiliti diberikan kepada Dekan / Rektor / Pengarah untuk menentukan pembahagian ATP mengikut kesesuaian dan keperluan semasa di Fakulti / Kampus / Pusat / Pusat Kecemerlangan / Akademi / Institut berdasarkan Garis Panduan tersebut.
4. YBhg Dato'/Profesor/Tuan/Puan dimohon untuk memanjangkan maklumat ini kepada semua pihak yang berkenaan untuk tindakan.
5. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2012.

Sekian, terima kasih.

Yang berjar

PROF DR AZNI ZAIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

s.k.: 1. Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA

Rujukan : 100-UiTM (TNC(A)6/2)
Tarikh : 23 Disember 2011

GARIS PANDUAN AMANAH TUGASAN PENSYARAH

1. Amanah Tugas Pensyarah

1.1. Amanah Tugas Pensyarah dibahagikan kepada 2 bahagian utama iaitu Amanah Tugas Syarahan (ATS) dan Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) dan ditetapkan pada 39 jam seminggu.

$$\text{ATP} = \text{ATS} + \text{KJS} = 39 \text{ Jam Seminggu}$$


- ATS merangkumi Kontek Syarahan (KS) dan Penyediaan Syarahan dan Penilaian (PS). Jam kontrak seorang pensyarah ditetapkan pada 39 jam seminggu.
- Kesetaraan Jam Pensyarah (KJS) untuk mengambil kira setiap tugas pensyarah yang dianggap sebagai sebahagian dari tugas pensyarah selain daripada syarahan seperti penyeliaan / tutorial / projek / makmal / studio / dapur / penyelidikan dan pentadbiran.

$$\text{ATS} = \text{KS} + \text{PS}$$

- PS adalah kesetaraan jam syarahan yang diberikan kepada pensyarah bagi mengambil kira proses penyediaan dan penilaian yang perlu dilakukan oleh pensyarah untuk syarahan / tutorial / makmal / studio / dapur / klinikal / e-pengajaran serta untuk mengambil kira bilangan kumpulan pelajar yang besar.
 - Kontek syarahan adalah jam sebenar seseorang pensyarah mengajar (*standing teaching*) dan ia merangkumi syarahan / tutorial / makmal / studio / dapur / klinikal / e-pengajaran.
- 1.2. Agihan Amanah Tugas Pensyarah adalah asas penyediaan SKT, penilaian prestasi, dan kriteria kenaikan pangkat.
- 1.3. Pengagihan Amanah Tugas Pensyarah adalah mengikut peringkat seperti berikut:

- Pasca Siswazah
- Ijazah Sarjana Muda
- Diploma
- Sijil Pengajian Sepenuh Masa
- Pengajian Luar Kampus (PLK)
- Pendidikan Jarak Jauh (PJJ/ ePJJ)

Rajah 1: Formula Pengagihan ATP



Rajah 2: Formula Pengagihan ATS

